

Muhyiddin mohon dibicara

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusannews@mediamulia.com.my

GUA MUSANG: Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin mengaku tidak bersalah dan mohon dibicara di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan mengeluarkan perkataan menghasut ketika memberi ceramah di Felda Perasu di sini pada 14 Ogos lalu.

Muhyiddin yang juga Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) membuat pengakuan tidak bersalah dan mohon untuk dibicarakan semasa pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Nik Mohd. Tarmizie Nik. Mohd. Shukri.

Mengikuti pertuduhan, Muhyiddin didakwa menyebut perkataan menghasut seperti ayat di bawah:

“Saya nak ceritakan mungkin orang Nenggiri ingatkah tak ingat. Saya waktu itu, sekali lagi diberikan sokongah ada 115 ahli Parlimen yang sokong saya.

“Ikut Perlembagaan kalau saya sebagai ahli Parlimen ada dapat sokongan 114, campur saya Muhyiddin Yassin ada satu Parlimen jadi 115.

“Kerusi Parlimen 222. Kalau bahagi 2 berapa? 111....Kalau dapat lebih 1 dia boleh bentuk kerajaan. Tapi saya dapat 115. Kalau ikut kiraan Perlembagaan, saya sudah ada jumlah yang lebih daripada mencukupi untuk jadi Perdana Menteri. Ini bukan nak mengungkit tapi *it's a record of history*.

“Tapi entah macam mana Yang di-Pertuan Agong waktu itu tak ajak jemput saya pergi Istana angkat sumpah. Siapa yang Yang di-Pertuan Agong dulu? Faham dah la eh. Kita tak nak cerita apa-apa buruk tapi yang itu bagi saya agak luar biasa...tapi takpe lah. Maka lepas



MUHYIDDIN Yassin (tengah) selepas menghadiri prosiding perbicaraan di Mahkamah Sesyen Gua Musang, Kelantan. semalam. - UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN

tu terbentuklah Kerajaan Perpaduan..sekarang ni kita panggil Kerajaan Madanon.”

Ucapan itu dilakukan oleh Muhyiddin berhampiran Dewan Semai Bakti Felda Perasu di sini kira-kira pukul 10.30 hingga 11.50 malam pada 14 Ogos lalu.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 yang boleh dihukum mengikut Subseksyen 4 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya,

jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh enam Timbalan Pendakwa Raya yang diketuai Datuk Umar Saifuddin Jaafar manakala Muhyiddin diwakili lima peguam iaitu Amer Hamzah Arshad, Chetan Jethwani, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Mohd. Nasir Abdullah dan Mariana Mat Kudin.

Terdahulu, Umar Saifuddin mencadangkan ikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin selain syarat tambahan iaitu perintah larangan bersuara dan tidak mengeluarkan

kenyataan berhubung isu berkenaan.

Amer Hamzah dalam rayuannya berkata, jaminan tersebut tidak wajar dan keterlaluan memandangkan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor yang sebelum ini didakwa atas pertuduhan sama hanya dikenakan jaminan RM5,000.

“Ikat jamin RM5,000 sudah memadai dan tidak perlu mengenakan sebarang perintah larangan bersuara memandangkan isu berkenaan sudah diketahui umum,” katanya.